

PERSEPSI GURU TERHADAP GAYA PEMBELAJARAN VAK DALAM MEMBANTU PELAJAR PERALIHAN MEMBACA DAN MENULIS

(*Teachers' Perception on VAK Learning Style to Support Transition Students' Reading and Writing Skills*)

MUHAMMAD ALEE SONG*, NUR HATIQAH WAKANAN & LYDIAWATI WAKANAN

ABSTRAK

Sistem Pendidikan Malaysia berhasrat memastikan setiap murid mencapai potensi sepenuhnya terutama memiliki keupayaan literasi (kemahiran membaca dan menulis). Sehubungan itu, setiap murid perlulah menguasai bahasa Melayu agar sejajar dengan keperluan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025. Menulis dan membaca merupakan suatu elemen yang penting dalam perkembangan murid merujuk DSKP bahasa Melayu. Elemen ini dapat dikenalpasti melalui capaian yang mudah dari prestasi keputusan yang meningkat hasil daripada proses pembelajaran yang teratur, sistematik dan berterusan. Kajian ini bertujuan untuk mendapatkan persepsi guru terhadap gaya pembelajaran VAK dalam membantu pelajar peralihan membaca dan menulis di sebuah sekolah di Puchong. Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif dengan melibatkan seramai 3 orang guru dengan kaedah temu bual berstruktur. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa mereka mempunyai sikap yang positif terhadap gaya pembelajaran VAK dan mengaplikasikan dalam PdPc kelas peralihan. Pemilihan gaya pembelajaran yang bersesuaian dengan kemampuan murid juga penting dalam mengoptimumkan keberkesanan proses membaca dan menulis.

Kata Kunci: Persepsi guru; Gaya pembelajaran VAK; Pelajar peralihan, membaca dan menulis

ABSTRACT

The Malaysian Education System aims to ensure that every student reaches their full potential, especially in literacy (reading and writing skills). In this regard, every student must master the Malay language in line with the requirements of the Malaysian Education Development Plan 2013 - 2025. Writing and reading is an important element in the development of students referring to the Malay language DSKP. These elements can be identified through easy access from increased decision performance as a result of an organized, systematic, and continuous learning process. This study aims to obtain teachers' perceptions of VAK learning style in helping students transition to reading and writing in a school in Puchong. This study uses a qualitative design by involving a total of 3 teachers with a structured interview method. The results of the study found that having a positive attitude towards VAK learning style and applying in PdPc transition class. The selection of learning styles that are appropriate to students' abilities is also important in optimizing the effectiveness of the reading and writing process.

Keywords: Teacher perception; VAK learning styles; Transition students, Reading and writing

PENGENALAN

Bahasa Melayu merupakan mata pelajaran teras yang telah diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia bermula dari peringkat pendidikan sekolah rendah ke peringkat sekolah menengah. Bahasa Melayu merupakan bahasa rasmi dan juga merupakan bahasa kebangsaan seperti mana yang termaktub dalam perlombagaan Malaysia. Sehubungan dengan itu, Kementerian Pendidikan Malaysia telah memperkenalkan mata pelajaran Bahasa Melayu di pelbagai peringkat dalam semua jenis sekolah. Bahasa Melayu juga merupakan mata pelajaran wajib lulus untuk syarat mendapat sijil di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia di peringkat sekolah menengah.

Antara kemahiran penting dalam Bahasa Melayu ialah kemahiran membaca dan kemahiran menulis. Kedua-dua kemahiran ini merupakan kemahiran asas yang termaktub dalam Rancangan Pengajaran Tahunan Bahasa Melayu. Kemahiran membaca dan kemahiran menulis sepatutnya diperkuuhkan semasa murid masih di peringkat sekolah rendah. Namun begitu, atas pelbagai faktor masih ada pelajar yang belum menguasai kemahiran membaca dan kemahiran menulis di peringkat menengah. Pelajar yang masih belum menguasai kemahiran membaca dan kemahiran menulis serta mendapat keputusan E ke atas dalam mata pelajaran bahasa Melayu akan dimasukkan ke dalam Kelas Peralihan selama setahun. Penggunaan gaya pembelajaran yang berkesan mampu memberikan kesan positif dalam membantu pembelajaran pelajar. Menurut Nurul Farahanaa (2013) gaya pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar memainkan peranan yang penting dalam mengolah ilmu yang dimiliki sekaligus dapat diaplikasikan dalam bidang pekerjaan kerana ianya berkait rapat dengan sikap, personaliti dan ciri-ciri seseorang individu. Pemilihan gaya pembelajaran yang berkesan dapat membantu pelajar untuk menguasai sesuatu pembelajaran.

Demi kecemerlangan pelajaran, pemilihan gaya pembelajaran memainkan peranan yang penting dalam memahami sesuatu mata pelajaran. Alias (2005) di dalam kajiannya mendapati terdapat hubungan yang signifikan di antara gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik pelajar. Kajian di atas menunjukkan bahawa gaya pembelajaran yang diamalkan mempengaruhi kecerdasan emosi dan fizikal pelajar. Gaya pembelajaran VAK merupakan tunjang dalam kajian ini. Gaya pembelajaran VAK adalah gabungan gaya pembelajaran visual, gaya pembelajaran auditori dan gaya pembelajaran kinestetik. Gaya pembelajaran Visual berkaitan dengan gambar, video yang berkaitan, guru kurang menggunakan suara, video lakonan. Mereka lebih mengingati dan memahami arahan dan penerangan menerusi tulisan dan gambar yang dipaparkan. Gaya pembelajaran Auditori pula Pelajar lebih suka kepada cara belajar yang melibatkan mendengar, mengingat maklumat dengan membaca kuat atau dengan menggerak-gerakan bibir ketika membaca, serta mudah tertarik kepada maklumat yang disampaikan daripada mendengar pita audio, syaran dan perbincangan kelas. Pelajar auditori gemar belajar dengan melibatkan deria pendengaran. Murid dapat mengukuhkan ingatan dengan mendengar semula rakaman pita audio, mengajar murid lain dan berbincang dengan guru (Murdoch Teacher Center 1984). Gaya pembelajaran Kinestetik pula berkaitan dengan aktiviti belajar dengan cara bergerak, terlibat secara aktif dalam aktiviti berkumpulan dan sukakan lawatan. Kombinasi rangsangan seperti aktiviti berkumpulan dan pita audio akan lebih menarik minat pelajar yang mengamalkan gaya ini. Mereka dapat mengingati sesuatu dengan baik apabila mencuba terus aktiviti melalui hands-on. (Murdoch Teacher Center 1984). Gabungan ketiga-tiga gaya pembelajaran ini membentuk satu gaya pembelajaran yang boleh diaplikasikan oleh guru untuk pelajar peralihan untuk menguasai kemahiran membaca dan kemahiran menulis.

Pembelajaran Bahasa Melayu menjadi tunjang dan matapelajaran teras yang seharusnya menjadi perhatian semua murid termasuk murid bukan Melayu. Kementerian

Pendidikan Malaysia (KPM) telah menyelaraskan semua mata pelajaran kecuali Bahasa Inggris dan DLP menggunakan bahasa Melayu. Lantaran itu, semua murid secara teorinya harus menguasai Bahasa Melayu dengan baik (Zamri & Mohamed Amin 2008).

Isu masalah utama di sini adalah terdapat pelajar bukan melayu yang masih belum menguasai kemahiran membaca dan menulis walaupun sudah tamat persekolahan di peringkat sekolah rendah. Menurut Zulkeifley (1996) membincangkan pendapatnya tentang masalah yang dihadapi oleh murid bukan melayu dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Menurut beliau, murid bukan melayu sukar mendapat keputusan yang membanggakan dalam peperiksaan Bahasa Melayu. Menurut kajian Abdul Hamid (1990) kurangnya pendedahan terhadap Bahasa Melayu merupakan salah satu faktor utama yang menyebabkan keadaan demikian. Dalam kajian yang dijalankan oleh Nursidah et al. (2010) yang menyatakan bahawa terdapat 89% murid bukan melayu masih lemah dalam penguasaan tatabahasa.

Pada tahun 2014, sebanyak 2355 kelas peralihan di Malaysia. Ini jelas membuktikan bahawa terdapat murid bukan melayu yang masih lemah dalam penguasaan bahasa Melayu. Oleh itu, pelajar peralihan bukan melayu yang mendapat gred E dalam mata pelajaran Bahasa melayu untuk PPSR (Pelaporan Pentaksiran Sekolah Rendah) akan berada dalam kelas peralihan selama setahun. Tujuan kelas peralihan ini untuk membantu murid-murid menguasai Bahasa melayu dengan baik sebagai persediaan mengikuti pendidikan di sekolah menengah. Bagi mata pelajaran Bahasa Melayu sebanyak 520 minit seminggu dan minimum 277 jam diperuntukkan dalam setahun.

Banyak kajian yang telah dijalankan tentang gaya pembelajaran VAK membantu dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Antaranya ialah kajian yang dijalankan oleh Norul Haida et al. (2016) dalam kajiannya tentang Aplikasi Model VAK dalam Gaya Pengajaran dan Pembelajaran Komsas Bahasa Melayu. Gaya pembelajaran VAK ini juga digunakan dalam kajian yang dijalankan oleh Nur Sharmimi (2009) dalam membantu murid tahun 2 untuk menulis nama dengan betul. Namun begitu, hasil pembacaan dan pencarian, belum ada kajian yang dijalankan secara khusus untuk membantu pelajar peralihan dengan menggunakan gaya pembelajaran VAK.

Melihat kepada dapatan kajian yang dijalankan oleh beberapa pengkaji, maka kajian ini dijalankan kepada 3 orang guru peralihan untuk melihat persepsi guru. Pengkaji mahu melihat sejauh mana pemahaman guru terhadap gaya pembelajaran VAK, sejauh mana guru peralihan menggunakan gaya pembelajaran VAK dan persepsi guru tentang keberkesanan gaya pembelajaran VAK ini dalam membantu pelajar peralihan membaca dan menulis. Kajian ini bertujuan untuk mendapatkan persepsi guru terhadap gaya pembelajaran VAK dalam membantu pelajar peralihan membaca dan menulis.

METODOLOGI

Kajian ini bertunjangkan kepada Gaya Pembelajaran VAK yang diperkenalkan oleh Fernald, Keller, Orton, Gillingsham, Stillman dan Montessori (1920). Model gaya pembelajaran VAK ini menerangkan tentang tiga gaya pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar dalam proses pembelajaran sesuatu ilmu. Menurut gaya pembelajaran VAK, gaya belajar seseorang pelajar itu menjurus kepada gaya pembelajaran visual, gaya pembelajaran auditori dan gaya pembelajaran kinestetik.

Kajian ini merupakan kajian secara kualitatif dengan menggunakan kaedah temu bual berstruktur dan analisis rekod pencapaian murid. Kaedah temu bual dipilih kerana ianya dapat membantu untuk mendapatkan maklumat tentang sesuatu proses fenomena yang dikaji (Ibrahim Wahab & Abdul Hadi Harman Shah 1992). Kaedah temu bual sebegini akan dapat memberi kelebihan kepada pengkaji mendapat respons yang lebih mendalam daripada

responden. Kaedah ini disokong oleh Chua (2011) mendapati kaedah temu bual seperti sesi temu bual dirancang dan dilaksanakan mengikut satu senarai soalan yang boleh disusun semasa sesi temu bual.

Petikan perbualan atau percakapan daripada transkrip temu bual digunakan untuk menyokong penghuraian dan kesimpulan penulisan. Pengkaji menggunakan jadual untuk menghuraikan secara umum keseluruhan data temu bual yang dilakukan. Data jawapan temu bual bersama-sama responden dianalisis dan diringkaskan dalam jadual yang disediakan oleh pengkaji. Selain itu, pengkaji menggunakan kaedah semakan rekod pencapaian murid. Rekod pencapaian akademik responden didapati daripada secara atas talian menggunakan Sistem Analisis Peperiksaan Sekolah (SAPS) melalui portal sapsnkra.moe.gov.my. Rekod pencapaian yang dianalisis merupakan rekod pencapaian bagi 2 kelas peralihan untuk Peperiksaan Pertengahan Tahun 2018 dan Peperiksaan Akhir Tahun 2018.

Kajian ini hanya melibatkan sebuah sekolah menengah di daerah Puchong. Kajian dijalankan kepada 3 orang guru bahasa Melayu yang mengajar pelajar peralihan. Kaedah persampelan merupakan persampelan bertujuan. Justifikasi kepada persampelan bertujuan kerana kajian ini berfokuskan kepada guru bahasa Melayu yang mengajar pelajar peralihan. Di sekolah ini, hanya 3 orang guru sahaja yang mengajar Bahasa melayu untuk pelajar peralihan. Dapatkan kajian ini hanya dapat digeneralisasikan untuk sekolah ini sahaja memandangkan banyak kelas peralihan di Malaysia yang ditubuhkan.

HASIL

Pemahaman Guru

Hasil analisis menunjukkan terdapat pemahaman guru yang dikemukakan oleh informan yang terdiri daripada 3 orang guru. Pemahaman guru tersebut merangkumi sokongan penggunaan gaya pembelajaran VAK dan penggunaan bahan-bahan berbentuk VAK.

Pengetahuan Sedia Ada

Pemahaman guru berdasarkan pengetahuan sedia ada terhadap gaya pembelajaran VAK. Jadual 1 melaporkan persepsi informan terhadap pengetahuan sedia ada tentang gaya pembelajaran VAK.

Informan	Persepsi
1	Ya, saya tahu tentang gaya pembelajaran VAK.
2	Gaya pembelajaran VAK lebih mudah untuk pelajar peralihan.
3	VAK ini menggunakan gambar, audio dan pergerakan yang menarik minat pelajar.

Jadual 1 melaporkan persepsi ketiga-tiga informan terhadap pengetahuan sedia ada tentang gaya pembelajaran VAK. Hal ini diakui oleh informan terhadap VAK kerana guru telah diberi pendedahan tentang gaya pembelajaran VAK sebagaimana yang dinyatakan oleh informan satu.

Kemudahan

Kemudahan merupakan suatu perkara yang penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Jadual 2 melaporkan persepsi guru berkenaan kemudahan dalam membantu gaya pembelajaran VAK.

Informan	Persepsi
1	Gajet yang dibekalkan oleh pihak KPM pemudahcara dalam PdPc.
2	Boleh guna gambar dalam surat akbar, majalah dan pamflet.
3	Mudah sahaja, boleh guna audio daripada telefon bimbit saya.

Jadual 2 melaporkan bahawa gaya pembelajaran VAK diterima dan tidak menghadapi masalah kerana terdapat pelbagai kemudahan yang boleh membantu gaya pembelajaran. Hal ini berdasarkan kepada petikan temu bual informan.

Pengaplikasian

Penglibatan murid

Jadual 3 berkenaan dengan pelibatan pelajar peralihan dalam proses pengajaran dan pembelajaran dengan menggunakan gaya pembelajaran VAK.

Informan	Persepsi
1	Apabila guru menggunakan visual untuk membina ayat, pelajar akan lebih mudah memahami tugas yang diberi. Pelajar aktif dalam pembentangan dan kerja berkumpulan. Bila mereka ada masalah mereka akan bertanya soalan sama ada dengan guru atau sesama mereka. Gajet yang dibekalkan oleh pihak KPM pemudahcara dalam PdPc.
2	Pelajar sangat gembira semasa pembelajaran membaca bila guru mendengarkan audio.
3	Ya, pelajar lebih aktif dalam PdPc dan seronok. Semua itu dapat meningkatkan motivasi pelajar serta menarik minat pelajar untuk mengikut dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Jadual 3 melaporkan bahawa penglibatan murid peralihan aktif dan dapat meningkatkan motivasi serta menarik minat mereka apabila guru menggunakan gaya pembelajaran VAK serta PdPc berjalan dengan lancar.

Penglibatan guru

Jadual 4 melaporkan penglibatan guru dengan menggunakan gaya pembelajaran VAK.

Informan	Persepsi
1	Ya, saya banyak menggunakan gambar-gambar untuk menerangkan maksud kosa kata.
2	Bagi memudahkan pemahaman cerita, saya akan memaparkan video melalui aplikasi ‘YouTube’.
3	Saya juga akan membawa murid-murid peralihan ke sesi pembelajaran inkuiri atau pembelajaran di luar bilik darjah.

Jadual 4 melaporkan bahawa guru memainkan peranan yang penting dalam penglibatan menggunakan gaya pembelajaran VAK dalam PdPc supaya murid peralihan berminat terhadap mata pelajaran bahasa Melayu.

Pengukuhan

Pencapaian Bahasa Melayu

Pencapaian pelajar merupakan hasil daripada kesungguhan dan kepelbagaian teknik dan gaya yang digunakan oleh para guru semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Jadual 5 melaporkan pencapaian Bahasa Melayu pelajar peralihan.

Informan	Persepsi
1	Pencapaian 2-3 orang murid agak meningkat daripada peperiksaan yang lepas dari gred C kepada gred B.
2	emm... ada sedikit peningkatan tapi lebih baik dari dulu.
3	baik.... tapi perlu penambahan baikan.

Jadual 5 melaporkan bahawa penggunaan gaya pembelajaran VAK di sekolah boleh meningkatkan pencapaian mata pelajaran Bahasa Melayu pelajar peralihan.

PERBINCANGAN

Berdasarkan analisis dapatan kajian, ketiga-tiga guru informan mempunyai sikap yang positif terhadap gaya pembelajaran VAK dan mengaplikasikan dalam PdPc kelas peralihan. Ketiga-tiga informan mempunyai pengetahuan sedia ada tentang gaya pembelajaran VAK. Pengetahuan sedia ada ini amat membantu dalam gaya pengajaran terhadap murid peralihan. Gaya pembelajaran ini menggunakan sama ada visual, audio atau pun kinestetik. Murid peralihan sangat memerlukan gaya pembelajaran ini untuk meningkatkan kosa kata mereka. Selain itu, kemudahan alat bantu mengajar seperti LCD, radio dan komputer juga merupakan medium penyampaian yang menjadikan pembelajaran menyeronokkan.

Seterusnya, ketiga-tiga informan menyokong penuh terhadap gaya pembelajaran VAK ini. Informan-informan juga bersetuju agar gaya pembelajaran ini digunakan dalam PdPc. Hal ini dibuktikan apabila murid peralihan bergiat aktif dalam pembelajaran ketika guru menggunakan gaya pembelajaran ini. Rentetan hasil pencapaian murid peralihan yang agak meningkat, dilihat melalui perbandingan keputusan Peperiksaan Pertengahan Tahun dan Peperiksaan Akhir Tahun murid peralihan tersebut. Hanya tiga orang sahaja yang tidak lulus pada Peperiksaan Akhir Tahun berbanding lapan belas orang murid tidak lulus semasa Peperiksaan Pertengahan Tahun. Hal ini dapat dilihat hasil kajian yang dijalankan oleh Lilik Mawartiningssih (2016) bahawa prestasi pelajar menjadi lebih baik setelah menggunakan gaya pembelajaran VAK. Begitu juga kajian Susi Andrianty (2015) menunjukkan peningkatan hasil pembelajaran pelajar setelah mengaplikasikan model gaya pembelajaran VAK.

Menariknya, motivasi murid peralihan terhadap meminati bahasa Melayu juga meningkat. Hasil dapatan murid-murid peralihan sangat gemar dan menarik diri mereka untuk mempelajari bahasa Melayu dengan lebih mendalam. Menurut Moeslihatoen (1993) motivasi merupakan hal penting dalam menentukan prestasi pelajar. Oleh itu, pelajar yang mempunyai motivasi yang tinggi akan membawa kepada kejayaan dalam pembelajaran. Begitu juga dengan kajian Ni Luh Pt. Ariastini (2013) yang mendapati bahawa model pembelajaran VAK mempunyai pengaruh yang positif pada terhadap motivasi serta hasil pembelajaran pelajar. Penglibatan yang aktif membuktikan bahawa murid peralihan ini menyukai gaya pembelajaran VAK ini. Murid-murid peralihan ini juga sering bertanya kepada informan-informan jika terdapat kosa kata yang tidak difahami.

Justeru, pemilihan gaya pembelajaran VAK terhadap murid peralihan ini perlu diteruskan. Informan-informan juga haruslah menggunakan gaya pembelajaran VAK yang boleh menarik minat serta dapat meningkatkan motivasi murid peralihan untuk mempelajari bahasa Melayu agar mereka dapat menguasai membaca, mendengar dan menulis bahasa Melayu dengan lebih baik.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, guru-guru mempunyai pandangan yang positif terhadap gaya pembelajaran VAK dan mengaplikasikan dalam PdPc kelas peralihan. Walaupun memerlukan komitmen yang lebih tinggi berbanding kaedah pengajaran yang sedia ada namun kesemua guru mempunyai keyakinan untuk mengamalkan gaya pembelajaran VAK demi untuk meningkatkan pencapaian pelajar dan menjadikan pelajar insan yang lebih berguna. Kemampuan pelajar dari segi membaca dan menulis adalah berkait rapat dengan pemilihan teknik atau gaya pembelajaran yang sesuai dengan tahap psikologi pelajar. Para guru perlu memilihkan gaya pembelajaran VAK yang betul dan sesuai dengan setiap pelajar, dengan pemilihan gaya pembelajaran yang betul akan membawa kepada kejayaan dalam pembelajaran bahasa Melayu. Proses pengajaran dan pembelajaran yang kreatif oleh guru juga merupakan perkara yang paling penting. Ini kerana ia boleh meningkatkan minat, motivasi serta mempengaruhi pencapaian akademik dan pelajar dapat menguasai kemahiran membaca dan menulis bahasa Melayu .

RUJUKAN

- Ade Lestari, Yarman & Syafriandi. 2012. Penerapan Strategi Pembelajaran Matematika Berbasir Gaya VAK (Visual, Auditori, Kinestetik). *Jurnal Pendidikan Matematika*, Vol. 1(1):1-7.
- Andrianty, S. 2015. Penerapan Metode Quantum Learning dengan Learning Style VAK (Visual, Auditorial, Kinesthetic) untuk meningkatkan hasil belajar siswa kelas X-3 SMA Negeri Olahraga Provinsi Riau. *Jurnal Primary*, 4(1), 54-63.
- Alias, N. 2005. Gaya Pembelajaran Guru Pelatih Kursus Lepasan Ijazah Maktab Perguruan Batu Lintang. *Jurnal Pendidikan MPBL*. Jilid 6.
- Chua Yan Piaw. 2014. *Kaedah Penyelidikan* (3rd ed.). McGraw Hill Education Malaysia) Sdn.Bhd.
- Ibrahim Wahab & abdul hadi harman Shah.1992. *Kaedah Analisis Perancangan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka.
- Lestari & Reni Dwi. 2011. Pengaruh Penerapan Model Pembelajaran VAK (Visual, Auditori, Kinestetik) terhadap Hasil Belajar IPA Siswa Kelas III SDN Tanjungrejo 2 Malang. Skripsi, Prodi S1 Pendidikan Guru Sekolah Dasar, Jurusan Kependidikan Sekolah Dasar dan Prasekolah, Fakultas Ilmu Pendidikan, Universitas Negeri Malang.
- Lilik Mawartiningbih. 2016. Model Pembelajaran VAK (Visualization, Auditory, Kinesthetic) untuk Meningkatkan Prestasi Belajar Mata Kuliah Telaah Kurikulum Mahasiswa Pendidikan Biologi 2012. Proceeding Biology Education Conference (ISSN: 2528-5742), Vol 13(1) 2016: 441-444.
- Ni Luh Pt. Ariastini. 2013.Pengaruh Model Pembelajaran Kuantum Tipe VAK (Visual, Auditory, Kinesthetic) terhadap Hasil belajar IPA Siswa Kelas V SD Negeri 2 Sesetan, Universitas Pendidikan Ganesha.
- Nurul Farahanaa binti Anwar. 2013. Hubungan Gaya Pembelajaran Dengan Pencapaian Akademik Pelajar Aliran Vokasional. Laporan projek Sarjana Pendidikan, Fakulti Pendidikan, UTHM.

- Norsidah Ab. Hamid, Jamaludin Badushah, dan Fairose Sulaiman. 2010. "Kelemahan tatabahasa pelajar Cina dalam penulisan karangan pada peringkat menengah rendah". Prosiding Seminar Antarabangsa Pendidik Bahasa Melayu, 12-18 Jun.
- Nur Shamimi binti Bakar. 2009. Kaedah VAKT dan Menulis Nama. Koleksi Artikel Penyelidikan Tindakan PISMP Pemulihan amb. Januari 2009, Seminar Penyelidikan Tindakan IPG KBL Tahun 2012, ms.177-190.
- Norul Haida binti Haji Reduzan, Robe'ah Yusuf & Hidayah binti Hasim. 2016. Aplikasi Model VAK dalam Gaya Pengajaran dan Pembelajaran Komsas Bahasa Melayu. Dimuat turun pada 14 Disember 2018 dari <http://conference.kuis.edu.my/recit2016/images/eproceeding/DR-NORUL-HAIDA.pdf>.
- Nor Musliza Mustafa & Mokmin Basri .2015. Pembelajaran al-Quran Berasaskan Teknik dan Gaya Pembelajaran VAK (Visula, Auditori dan Kinestetik). Dimuat turun pada 13 Desember 2018 dari <https://www.researchgate.net/publication/305492841>.
- Moeslichatoen.1993. *Motivasi dalam Proses Belajar Mengajar*. Malang: IKIP Malang.
- Murdoch Teacher Center. 1984. *Pengurusan Masa dan Gaya Pembelajaran*. Wichita: Kansas.
- Zamri Mahamod & Mohamed Amin Embi. 2008. *Teknologi Maklumat dan Komunikasi dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu*. Shah Alam: Karisma Publications.
- Zulkifley Hamid. 1996. *Bahasa (konsep, fungsi, dan penguasaannya oleh penutur)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

MUHAMMAD ALEE SONG*

Fakulti Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600, UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA

NUR HATIQAH WAKANAN

Fakulti Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600, UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA

LYDIAWATI WAKANAN

Fakulti Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600, UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA

*Pengarang untuk surat-menjurat:

ibnufatoni1122@yahoo.com / muhammadaleesong@gmail.com

Received: 21 November 2020 / Accepted: 7 October 2021 / Published: 20 November 2021